

TARIKH	ISNIN, 9 SEPTEMBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	SEMUA PIHAK DISARAN BANTU TINGKAT MINAT MURID BELAJAR STEM
M/S	23
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

Semua pihak disaran bantu tingkat minat murid belajar STEM

Butterworth: Kementerian Pendidikan (KPM) mengalu-alukan pembabitan daripada pelbagai pihak berkepentingan sama ada agensi awam mahupun swasta untuk meningkatkan minat murid dalam aliran sains menerusi pembedayaan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di sekolah.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Sektor Dasar dan Kurikulum, Dr Rusmini Ku Ahmad, berkata pembabitan pihak berkepentingan itu perlu digembeng dalam memastikan usaha memantapkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) dapat dilaksanakan secara berterusan.

Menurutnya, kerjasama itu juga perlu dibabitkan secara menyeluruh bermula di peringkat prasekolah hingga pengajian tinggi.

"Penyaluran maklumat yang tepat berkaitan STEM terutama dalam penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) secara berterusan akan memberikan fokus STEM dalam lapangan, sekali gus memberikan pengalaman terus kepada guru dan murid.

"Kita sedia maklum akan kepentingan pendidikan digital dan STEM dalam menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran dan berdaya saing di peringkat global.

"Melalui pendidikan ini, kita sediakan anak-anak dengan ilmu dan pengalaman yang secukupnya supaya mereka mampu meneroka dunia luar yang lebih mencabar dan penuh pancaroba," katanya ketika merasmikan Penutupan Konvensyen Projek Inovasi Pendidikan Digital.

STEM Pulau Pinang (PesIn-Pro 2.0) peringkat Kebangsaan di sebuah hotel di Seberang Jaya, di sini.

Mengulas lanjut Rusmini berkata, pihaknya giat meningkatkan infrastruktur dan infostruktur di semua fasiliti kementerian bagi tujuan pendidikan digital.

"Di sini kita akan lihat di mana ada ruang yang kita boleh tambah baik sama ada masih memerlukan (apa-apa) bantuan.

"Pada masa sama kita turut menumpukan usaha meningkatkan kecakapan guru melalui latihan sewajarnya bagi memastikan golongan pendidik kompeten untuk membimbing pelajar dalam penggunaan teknologi AI.

"Selain itu, kita mahu pastikan guru, murid dan juga pemimpin sekolah menggunakan pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) kerana ada banyak bahan-bahan digital, pengajaran dan pembelajaran yang boleh guru-guru berkongsi melalui pelantar DELIMa itu," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---